

Headline	Dendam 3 gadis HIV Kelantan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	09 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	54	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	652 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,436



Dendam gadis HIV Kelantan

Gadis cantik dari Pasir Puteh, Shima, membala dendam dengan menyebarkan virus HIV kepada mat rempit.



Oleh ADHAM SHADAN
adham.shadan@kosmo.com.my

MEREKA ialah mangsa, bukan si pencari bahana. Mereka ditakdirkan menghidap HIV dan Aids atas titik-titik noda dan perbuatan jijik manusia lain.

Kerana bapa atau suami mereka hidup bertuhankan nafsu, golongan yang tidak berdosa ini menanggung derita bahkan menjadi 'longkang ludahan' masyarakat.

Sedangkan mereka cumalah sang isteri yang mempertaruhkan sepenuh cintanya buat suami atau anak yang lahir ke dunia, yang sepatutnya sesuci kain putih namun telah dipalit cemar virus HIV.

Sekiranya wanita mangsa virus pembunuhan itu hidup dalam caci dan bertindak masyarakat dan bertindak membala dendam kepada lelaki lain atas perbuatan bapa atau suami mereka, siapakah yang harus dipersalahkan?

"Celaka orang-orang ini, aku nak bagi mereka rasa."

Itulah pengakuan nekad seorang gadis, Shima, yang berniat mahu menyebarkan virus HIV yang dihidapnya. Tindakan Shima itu diceritakan Zaimah Hussin saat penulis berkunjung ke kediaman kaunselor Pertubuhan Masyarakat Prihatin (PMP) itu di Pasir Tumboh, Kelantan baru-baru ini.

Zaimah, 58, yang sudah hampir dua dekad berdampingan dengan pesakit HIV dan Aids di Negeri

Headline	Dendam 3 gadis HIV Kelantan		
MediaTitle	Kosmo Ahad	Color	Full Color
Date	09 Oct 2011	Circulation	120,848
Section	Semasa	Readership	269,000
Page No	54	ArticleSize	652 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 7,812
Journalist	N/A	PR Value	RM 23,436
Frequency	Daily		

Cik Siti Wan Kembang itu mengakui ada pesakit yang mendapat virus itu daripada suami atau bapa mereka yang terjebak dengan seks rambang.

Malangnya, mangsa yang bergelar anak atau isteri itu telah ditoihmah oleh masyarakat sekeliling seolah-olah mereka sendiri yang membuat dosa hingga dijangkiti virus itu.

Ini menyebabkan ramai mangsa HIV mengalami tekanan emosi sehingga mereka akhirnya menyimpan dendam kepada masyarakat yang menyalahkan mereka sebelum ini.

Cerita Zaimah, Shima yang berasal dari Pasir Puteh dan kini berusia 18 tahun, dijangkiti virus itu semasa dilahirkan.

Dosa bapa

"Bapa Shima ialah seorang pemandu treler yang terlibat dengan seks rambang. Bapanya meninggal dunia akibat penyakit Aids pada tahun 1996 manakala ibunya yang terkena jangkitan daripada bapanya meninggal dunia pada tahun 2005.

"Kata Shima, 'Aku diceraikan masyarakat, saudara mara aku pun semua tak terima aku. Mak saudara aku, aku nak jejak tangga rumah dia pun dilarang sama sekali. Dah macam tu, aku nak sebarkan virus ini,' Zaimah memetik kata-kata Shima.

Seawal usia 13 tahun, Shima sudah bertekad untuk menyebarkan virus HIV itu dengan menjadi minah rempit dengan menjadikan dirinya 'hadiah' kepada mat-mat rempit.

"Setahu saya sampai sekarang dia buat kerja itu. Shima memang cantik, potongan badannya menarik, wajahnya putih dan hidungnya pula mancung," kata

Zaimah yang ditemani anaknya, Dr. Zahrain Zulkifly, 31, pengurus PMP yang dipanggil papa oleh pesakit Aids di pusat perlindungan kelolaan PMP di Bachok, Nur City Center.

Menurut Zahrain, dalam kes yang lain pula, seorang wanita cantik, Rashida, berdendam dengan lelaki dan menyebarkan virus HIV dengan menjalinkan hubungan dengan ramai suami orang.

Kisahnya cukup tragis. Rashida berasal dari sebuah daerah di Kelantan. Dia merupakan graduan universiti yang berkahwin dengan seorang lelaki penghidap HIV tanpa pengetahuannya.

Apa yang menjadi sesal dalam hati Rashida ialah keluarga suaminya rupa-rupa sudah mengetahui hal itu sebelum mereka berkahwin tetapi bertindak merahsiakannya daripada Rashida.

"Bayangkan, setelah suaminya meninggal dunia disebabkan Aids, ibu lelaki itu dengan selamba memberitahunya, alah, dah lama dah aku tahu dia ada Aids sejak sebelum kahwin dengan kau lagi," cerita Zahrain.

Selepas disahkan dijangkiti HIV, Rashida mengikuti rawatan dan menjalani sesi kaunseling di PMP dan kesihatannya beransur baik walaupun tidak akan pulih sepenuhnya.

Dia kemudian berusaha mencantikkan diri bagi memikat suami orang kerana berdendam dengan semua lelaki.

"Rashida memberitahu saya, asal bernama lelaki, aku akan bagi (virus itu)," ujar Zahrain.

Suami orang

"Sekarang dia berusia 42 tahun

dan masih cantik," kata Zahrain.

Zaimah pula berharap supaya masyarakat tidak terus menghukum penghidap HIV sebaliknya berusaha memahami golongan itu.

"Kebanyakan wanita yang menyimpan dendam sebegini ialah mereka yang pada awalnya seorang yang *innocent* (baik). Mereka sentiasa berbuat baik dan tidak pernah menjangka akan mendapat penyakit ini."

"Banyak kes pesakit Aids datang kepada saya dengan keadaan yang cukup trauma sampai ada yang menangis dan hysteria," katanya sambil memberitahu bilangan pesakit Aids di Kelantan bertambah dengan lima pesakit baru

menemuinya setiap minggu sejak dua tahun kebelakangan ini.

Apa yang penting kata Zaimah ialah masyarakat perlu menghentikan stigma terhadap mereka.

"Banyak pengalaman saya berdepan dengan kebencian masyarakat terhadap golongan ini. Ada mayat wanita yang terbiar tidak diuruskan sehingga

berulat kerana tidak ada sesiapa mahu mendekatinya kerana takut dijangkiti. Ada yang diminta bayaran pengurusan jenazahnya lebih tinggi sehingga RM1,800, walhal jenazah biasa sekitar RM200 hingga RM400 sahaja," kata Zaimah yang sudah 19 tahun berdampingan dengan pesakit Aids.

Zaimah turut menjelaskan, penyakit Aids boleh dikawal tapi tidak boleh disembuhkan.

"Rawatan yang diterima akan memberhentikan keaktifan virus tapi ia masih kekal dalam diri pesakit," katanya.

EKSTRA

- Pertubuhan Masyarakat Prihatin (PMP) adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu memberikan kaunseling serta perlindungan kepada pesakit Aids terutamanya wanita dan kanak-kanak.

- Zaimah Hussin juga merupakan kaunselor di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu, Kelantan. Beliau memulakan kerjayanya di hospital tersebut sebagai jururawat dan mendapat latihan di sebuah hospital di Bangkok, Thailand berkaitan penyakit Aids pada tahun 1994.

- PMP ditubuhkan pada 2004 dan setakat 2010 terdapat 592 pesakit wanita dan 1,418 kanak-kanak yang mendapat perlindungan dan bantuan kaunseling daripadanya.

- Pesakit Aids dibahagikan kepada dua kategori iaitu yang mendapat HIV kerana perbuatannya atau yang mendapat HIV kerana orang lain atau disebut mangsa.


- Zaimah menegaskan virus HIV hanya banyak terdapat pada air mani, bendalir faraj dan darah. Dalam hanya beberapa saat selepas virus itu keluar ke atmosfera ia akan mati.

Headline	Dendam 3 gadis HIV Kelantan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	09 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	54	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	652 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,436



PUSAT perlindungan Nur City Center PMP telah memberi bantuan kepada lebih 2,000 pesakit HIV dan Aids di Kelantan sejak tahun 2004.

KOSMO Ahad 9 Oktober 2011



SHIMA menjadikan mat rempit sebagai sasaran untuk dia menyebarkan virus HIV.
– Gambar hiasan

Zahrain memberitahu, Rashida hanya meminati suami orang dan mungkin puluhan suami orang telah bersamanya.



ZAIMAH



ZAHRAIN